

MANIFESTASI KEHIDUPAN MASYARAKAT MELAYU DALAM *BEDAR SUKMA BISU* DARIPADA PERSPEKTIF PENGKAEDAHAN MELAYU

CHE ABDULLAH CHE YA
Universiti Kebangsaan Malaysia
cheabd@ukm.edu.my

ABSTRAK

Bedar Sukma Bisu (BSB) karya Faisal Tehrani, diterbitkan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2007. Novel ini memenangi hadiah utama Sayembara Mengarang Sempena Jubli Emas DBP. *BSB* antara lain memaparkan kehidupan masyarakat Melayu sejak zaman sebelum Perang Dunia Kedua sehingga dekad mutakhir di Malaysia. Persoalan kepercayaan, keimanan serta penglibatan orang Melayu dalam dunia korporat diolah secara kreatif oleh pengarang melalui pelbagai teknik seperti dialog, monolog, imbas kembali, imbas muka termasuk juga mimpi dan perlambangan. Data bagi kajian ini dikumpul bersandarkan reka bentuk kajian kualitatif dan analisis kandungan sebagai instrumen kajian utama. Teori Pengkaedahan Melayu yang dikemukakan oleh Hashim Awang diaplikasi sebagai kerangka kajian ini. Penelitian memanfaatkan kesemua pendekatan yang menjadi prinsip Teori Pengkaedahan Melayu iaitu; pendekatan gunaan, moral dan firasat daripada pengkaedahan alamiah dan pendekatan dakwah, masyarakat dan seni daripada pengkaedahan keagamaan. Hasil penelitian mendapati novel ini banyak mengolah realiti kehidupan masyarakat Melayu yang sangat bergantung kepada alam, baik sebagai sumber inspirasi mahupun ekonomi. Sastera Melayu sangat mementingkan isi dalam pembentukan insan dan pendidikan namun tidak mengabaikan nilai keindahan karya. Masyarakat Melayu berpegang teguh kepada ajaran Islam tetapi masih terikat kepada kepercayaan dan amalan tradisi khususnya tentang firasat, tanda dan mimpi. Kajian ini turut mengesahkan bahawa teori Pengkaedahan Melayu dapat dijadikan sandaran untuk membuktikan manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dalam karya sastera.

Kata kunci: *Bedar Sukma Bisu*; Faisal Tehrani; Hashim Awang; kritikan sastera; Teori Pengkaedahan Melayu

MANIFESTATION OF THE MALAY SOCIETY'S LIVELIHOOD IN *BEDAR SUKMA BISU*

ABSTRACT

Bedar Sukma Bisu (BSB) by Faisal Tehrani was published by Dewan Bahasa dan Pustaka in 2007. *BSB* received the best novel award in Sayembara Mengarang Sempena Jubli Emas DBP. *BSB* portrays the livelihood of the Malay society from the pre Second World War era through the contemporary times in Malaysia. The author has creatively delivered issues on beliefs, faith and

the involvement of the Malays in the corporate world through various techniques such as dialogue, monologue, flash back, flash forward, dream and symbol. The data for this research was gathered through a qualitative research design, with content analysis as its main research tool. The *Pengkaedahan Melayu* theory proposed by Hashim Awang was applied as analysis framework. This study optimized all the approaches that make the *Pengkaedahan Melayu* theory, namely the applied approach; morale and vision from the worldly and *dakwah* techniques; society and arts from the religious technique. This study finds that *BSB* mainly portrays reality of the Malay society's livelihood that depends mostly on nature as their source of inspiration as well as economy. The Malay literature strongly emphasizes on character building and education through its content, and also gives equal importance to the aesthetic value of the literary work. The Malay society strongly upholds the Islamic teachings, and is also attached to beliefs and traditional customs in regard to vision, sign and dreams. This study also proves that the *Pengkaedahan Melayu* theory can be applied to testify the manifestation of Malay society's livelihood in literary works.

Keywords: *Bedar Sukma Bisu*; Faisal Tehrani; Hashim Awang; literary criticism; *Pengkaedahan Melayu* Theory

PENGENALAN

Karya sastra tidak lahir daripada ruang yang kosong sebaliknya ia tercipta daripada realiti kehidupan manusia. Sesebuah karya sastra terhasil daripada adunan pengetahuan, pengalaman, penelitian juga penyelidikan dengan kreativiti, imaginasi dan wawasan seseorang pengarang. Penghasilan sesebuah karya merupakan luahan fikiran pengarang tentang rencam kehidupan manusia dan alam persekitarannya yang diadun bersama pengalaman melalui daya kreativiti dan imaginasinya (Jumali Selamat, 2009:19). Umar Junus (1989) menjelaskan realiti yang digambarkan bukanlah sesuatu yang berdiri sendiri dan sah tetapi realiti bergantung kepada 'penglihatan' atau imaginasi pengarangnya yang akan menjadi lebih indah atau sebaliknya. Justeru, setiap karya yang bertanggungjawab akan mendasari aspek-aspek tertentu tentang keperihalan kemanusiaan, baik secara langsung mahupun secara tersirat dan berlapisan maknanya (Shahnon Ahmad, 1994). Untuk memahami nilai pemikiran dan budaya yang terdapat dalam sesebuah karya, bangsa, pandangan hidup dan waktu yang digambarkan harus diambilkira agar pemahaman dan taksiran pembaca tidak terlalu jauh daripada maksud yang hendak disampaikan oleh pengarang. Justeru itu, sesebuah karya yang dihasilkan lebih tepat dinilai berdasarkan ukuran nilai yang dipegang oleh pengarangnya.

Bedar Sukma Bisu sebuah novel yang dihasilkan Faisal Tehrani dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2007. Faisal Tehrani atau nama sebenarnya Mohd Faizal Musa, dilahirkan di Kuala Lumpur pada tahun 1974. Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda di Universiti Malaya, Ijazah Sarjana di Universiti Sains Malaysia dan Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Kebangsaan Malaysia. Menulis sejak remaja dalam hampir semua genre novel, cerpen, puisi dan juga esei dan kritikan sastra. Beliau banyak memenangi hadiah dan sayembara sastra. Novel *Bedar Sungai Bisu* memenangi hadiah utama dalam Sayembara Mengarang Sempena Jubli Emas DBP 2006. Novel ini antara lain memaparkan kehidupan masyarakat Melayu, tentang kepercayaan, keimanan dan budaya masyarakat setempat.

Pengarang menampilkan watak utamanya Wefada yang berlayar sejak kecil kerana keluarganya yang rapat dengan laut. Wafada berhadapan dengan pelbagai permasalahan kehidupan seperti cinta anak muda, sejarah lampau dan kemelut saudara. Novel ini sarat dengan falsafah, tentang laut, bedar, niaga, perang, cinta, tauhid, peradaban dan sejarah. Untuk memahami yang tersirat dan tersurat dalam *Bedar Sukma Bisu* suatu pendekatan yang bercirikan tempatan lebih sesuai digunakan. Salah satu pendekatan itu ialah Pengkaedahan Melayu yang menilai karya karya mengikut ukuran masyarakat Melayu itu sendiri.

PERMASALAHAN KAJIAN

Penelitian ini menilai novel *Bedar Sukma Bisu* yang memaparkan kehidupan masyarakat Melayu daripada perspektif masyarakat Melayu itu sendiri. Penelitian melihat bagaimana faktor persekitaran seperti alam sekitar, kepercayaan dan lain-lain diolah pengarang dalam mengerakkan karya ini. Peneliti juga melihat bagaimana karya ini dapat dipertanggungjawabkan sebagai manifestasi kehidupan masyarakat Melayu.

TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

Gagasan teori Pengkaedahan Melayu dihasilkan Hashim Awang. Tokoh ini lahir pada tahun 1937 di Terengganu. Teori Pengkaedahan Melayu buat pertama kalinya dibentangkan Hashim Awang pada Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1989. Teori ini tercetus atas kesedaran terdapatnya beberapa kelemahan teori Barat apabila menganalisis karya Melayu. Menurut beliau, pengkajian dan pengkaedahan tertentu terhadap sastera Melayu sememangnya wujud tetapi ia memiliki kelemahan-kelemahan memandangkan pemakaiannya yang tidak sepenuhnya asli, sesuai, mantap dan kukuh. Hampir semua pengkaedahan yang dipakai adalah hasil peniruan sepenuhnya dari Barat, oleh itu perlu ada saringan dan pembatasan bagi mengekalkan keperibadian sendiri memandangkan masyarakat Melayu mempunyai nilai-nilai masyarakat yang berbeza daripada Barat (Sahlan Mohd Saman, 1999: 52).

Sifat-sifat masyarakat Melayu yang unik, kreatif dan akrab dengan alam menimbulkan semacam kepekaan dan sensitiviti terhadap segala kejadian di sekitar mereka. Melalui kepekaan tersebut tercetuslah hasil-hasil karya sastera dan seni yang halus dan indah. Oleh yang demikian, sastera Melayu perlu dikaji dengan pengkaedahan sendiri supaya sifat dan ciri-cirinya tidak hilang. Pengkaedahan Melayu dikemukakan berdasarkan cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan setempat iaitu masyarakat Melayu yang melahirkan karya-karya tersebut.

Dalam membina kerangka teori, Hashim Awang (2002) membahagikan Teori Pengkaedahan Melayu kepada dua pengkaedahan iaitu alamiah dan keagamaan. Pengkaedahan alamiah berteraskan kepada cara hidup dan sikap masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada diri dan kehidupan. Pengkaedahan ini dapat dipecahkan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat. Pendekatan gunaan berdasarkan kepada anggapan bahawa sastera merupakan salah satu daripada objek alam, iaitu objek daripada ciptaan manusia. Oleh hal demikian, sastera perlu dilihat kejadiannya sebagai mempunyai sebab, hikmah dan fungsi tertentu. Manakala, pendekatan moral menyatakan sastera mengandungi pengalaman hidup yang dapat memberi pengajaran kerana sastera

mempunyai pelbagai ilmu pengetahuan. Seterusnya, pendekatan firasat dikaitkan dengan mimpi yang memerlukan proses takbir dan taksiran.

Pengkaedahan keagamaan pula berdasarkan kepada keimanan yang bersendikan akidah Islam yang bersumberkan Al-Quran dan al-Hadis. Tujuan pengkaedahan ini adalah untuk memperlihatkan kebesaran Allah melalui sastera supaya dapat mempertingkatkan ketakwaan kepada-Nya. Pengkaedahan ini juga dipecahkan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan masyarakat dan pendekatan seni. Pendekatan dakwah melihat sastera sebagai wadah untuk mempertingkatkan ketakwaan manusia kepada pencipta-Nya serta mengukuhkan keimanan dengan memaparkan sifat-sifat kesucian dan kemurniaan agama Islam. Pendekatan masyarakat pula menganggap sastera sebagai alat pendedahan segala persoalan yang berlaku dalam kalangan masyarakat yang bertujuan untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat. Pendekatan seni pula memfokuskan unsur-unsur keindahan sastera yang berlandaskan Al-Quran dan al-Hadis.

Alam sebagai Sumber kehidupan Masyarakat Melayu

Masyarakat Melayu sangat bergantung kepada alam yang banyak menentukan corak kehidupan mereka. Alam menentukan pekerjaan, pencarian, pengalaman, pengajaran dan kebajikan. Menurut Hashim Awang (2002), kebergantungan masyarakat Melayu pada alam boleh dilihat dengan jelas dalam kitab *Tajulmuluk*. Kitab ini menjadi panduan popular dalam masyarakat Melayu tradisi. Kitab ini membicarakan enam perkara pokok iaitu, tentang manusia, kesihatan (perubatan) manusia, sifat dan gerak laku manusia, mimpi dan firasat, cakerawala, dan perumahan. Kitab ini turut memperkatakan tentang kejadian alam daripada perspektif Islam. Kitab *Tajulmuluk* memperlihatkan cara dan sikap hidup masyarakat Melayu dan kita boleh memanfaatkan sebagai satu kaedah menilai karya sastera. Sebagaimana semua unsur alam yang wujud, yang tiap satunya memiliki fungsi dan manfaat yang khusus terhadap manusia, maka sastera pun dilihat sebagai suatu unsur alam yang kejadiannya juga mengarah perspektif yang sama.

Berdasarkan pendekatangunaan yang menganggap sastera merupakan salah satu daripada objek alam, iaitu objek ciptaan manusia. Sastera harus dilihat kejadiannya sebagai mempunyai sebab, hikmah dan fungsi tertentu. Kejadian itu boleh dimanfaatkan oleh manusia sama seperti kejadian objek alam yang lain:

“Nenekmu sering merindui sebuah semenanjung. Tanahnya emas, lautan perak berkilauan. Ada pohon dan tanam-tanaman. Ada hujan menyegarkan. Ada sungai mengalir perlahan. Dalam rahsia selalunya. Ada awan-gemawan melitupi meneduhkan. Ada binatang jinak sering bermanjaan. Ikan-ikan semuanya boleh dimakan. Dunia ini sungguh indah. Hampir di lur jangkaan.”

(*Bedar Sukma Bisu: 1*)

Kesemua objek alam adalah ciptaan Tuhan yang sangat indah. Selain daripada itu, objek alam seperti tanah, lautan, pohon, tanaman, hujan, sungai, awan, dan ikan sememangnya mempunyai tujuan penciptaan-Nya. Allah tidak menciptakan sesuatu kejadian itu melainkan ada tujuan dan hikmah tersendiri. Sebagai contoh, tanah berfungsi sebagai tempat bercucuk tanam,

tanaman sebagai bekalan makanan, hujan dan sungai sebagai sumber bekalan air yang utama kepada manusia dan sebagainya. Novel ini memperlihatkan objek alam iaitu laut yang digunakan sebagai tempat mencari nafkah atau menjadi sumber rezeki dan pendapatan serta menjadi tempat laluan pengangkutan. Terdapat juga pelbagai hasil laut yang dikurniakan dapat dimanfaatkan oleh manusia. Tuhan menjadikan laut dengan pelbagai macam yang ada di dalamnya untuk dimanfaatkan oleh manusia. Manusia wajar menggunakan nikmat yang ada di laut dengan sebaik mungkin dalam kehidupan:

Cerita ini terangkat dari laut. Apabila Tuhan menjadikan bumi, Tuhan memberi kasih, rahmat buat hamba dan makhluk ciptaan-Nya lalu mencipta samudera dan pelbagai kejadian nan menakjubkan dituang ke dalamnya. Moga-moga manusia beroleh kebaikan daripada lautan, juga belajar daripada samudera. Sesetengah kejadian di dalam lautan itu penuh rahsia, sesetengahnya takkan dimengerti oleh manusia sampai bila-bila. Sebahagiannya ialah manfaat untuk insan yang bijaksana. Semua untuk difikirkan, betapa kebesaran Tuhan tiada tandingan.

(*Bedar Sukma Bisu*: 109)

Setiap ciptaan Tuhan terdapat pelbagai fungsinya. Oleh itu, sebagai insan yang bijaksana seharusnya belajar daripada setiap ciptaan-Nya. Ini kerana, setiap kejadian-Nya penuh rahsia. Sesetengah daripada rahsia itu tidak akan dimengertikan oleh manusia buat selama-lamanya. Manusia harus belajar daripada samudera dan beroleh kebaikan daripada laut. Ini bermakna, laut membekalkan sumber pendapatan kepada manusia manakala, manusia juga akan beroleh pelbagai pengalaman daripada laut. Dan semua ciptaan ini adalah bertujuan untuk menunjukkan betapa besarnya Tuhan tiada tandingannya. *Bedar Sungai Bisu* juga menggarap laut juga tempat insan menemukan cinta sesama insan. Ben Qortubi bertemu dengan nenek Wafeda di laut. Mereka saling jatuh cinta dan berkahwin. Pelbagai pengalaman telah ditempuhi oleh Ben Qortubi tentang laut dan ilmu perkapalan sehingga berjaya membuka perniagaan dalam sektor perkapalan dan menetap terus di situ.

Namun, tidak semua ciptaan Tuhan itu telah dimanfaatkan oleh manusia dengan sebaiknya. Ada juga yang telah menyalahgunakan alam ciptaan Tuhan itu, antaranya menjadikan lautan sebagai tempat aktiviti perlanunan. Misalnya Haiqal dan datuknya Alvin telah diculik oleh lanun ketika belayar di Kota Kinabalu. Lautan juga menjadi tempat merompak hasil-hasil bumi yang lain. Pengalaman suka duka lautan ini dialami oleh Waqeel. Laut membawa cerita ria tentang datuk dan neneknya bertemu dan jatuh cinta dan laut jugalah yang menyebabkan datuk dan iparnya meninggal dunia:

“Pada suatu pagi yang hening. Ayah Par, datang menjemput Waqeel ke laut. Mereka belayar bersama-sama dengan sebuah bedar, yang buat pertama kalinya entah mengapa laut telah membuka segala rahsianya kepada Waqeel. Dia melihat karang-karang yang meliuk lentok di dalam air, ikan-ikan berenang tenang mengingat hakikat penciptaan Tuhan, dugong yang meminta kasihan, penyu yang mengembara jauh untuk melahirkan dan dia perlahan-lahan memahami lautan boleh memanjakan tetapi juga boleh membawa padah kemarahan dengan derau deru ombak juga badai. Pagi dengan kabus dan langit lazuardi membuatkan diri jadi khudu.”

(*Bedar Sukma Bisu*: 112)

Pendekatan gunaan ini memperlihatkan setiap ciptaan mempunyai fungsi dan hikmahnya, termasuk juga karya sastera. Melalui pendekatan ini, pembaca akan dapat menghayati akan ciptaan Tuhan.

Sastera Melayu sebagai Pembentukan Akhlak

Kesusasteraan bagi masyarakat Melayu bukan sekadar hiburan. Karya-karya sastera adalah sebahagian daripada pendidikan masyarakat khususnya dalam membina jati diri dan nilai-nilai murni masyarakat. Hashim Awang dalam memperkenalkan teori pengkaedahan Melayu turut menekankan aspek moral apabila menjadikan pendekatan moral sebagai salah satu pendekatan dalam pengkaedahan keagamaan. Pendekatan moral timbul dari tanggapan dasar yang dipegang dalam pendekatan gunaan, iaitu sastera bukan sekadar dianggap sebagai objek alam tetapi merupakan kejadian alam yang bersifat pengalaman hidup. Bersesuaian dengan sifat ini, sastera dapat memberikan manfaat yang lebih besar daripada fungsinya hanya sebagai satu benda. Sastera turut menyingkap dan memberi pengalaman. Pengalaman-pengalaman yang disingkatkan dan diberikan itu biasanya terdiri daripada dua hal utama iaitu peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh manusia tertentu dan maklumat yang berkaitan dengan manusia tadi serta suasana persekitarnya. Dalam hal pertama terserlah pelbagai ragam dan perlakuan manusia yang dapat dialami untuk dinilai aspek-aspek positif dan negatifnya bagi maksud dijadikan cermin perbandingan atau contoh tauladan yang baik. Manakala hal kedua memperlihatkan bahawa sastera mampu menyediakan dirinya dengan pelbagai disiplin ilmu dan pengetahuan. Dilihat daripada tanggapan ini, sastera dapat menepati konsep pustaka dan perpustakaan yang dalamnya boleh ditimba sebanyak-banyaknya pengajaran dan pengetahuan.

Novel *Bedar Sukma Bisu* banyak memaparkan kisah yang dapat dijadikan pengajaran daripada watak dan perwatakan yang ditampilkan. Pengarang menampilkan watak utamanya Wefada dan Haiqal sebagai contoh yang baik. Wafeda sebagai watak utama digambarkan sebagai seorang yang berpendidikan tinggi dan mempunyai pengetahuan yang luas terutama dalam bidang ekonomi. Wefada sentiasa mementingkan pendidikan dan menerapkannya dalam jiwa anaknya Haiqal. Bagi Wafeda hanya dengan ilmu pengetahuan sahaja dapat mengangkat martabat manusia ke tahap yang lebih tinggi. Wafeda sendiri digambarkan seorang pensyarah ekonomi di Universiti Kebangsaan Malaysia dan merupakan graduan lepasan Universiti Harvard.

Sebagai ibu yang mementingkan pendidikan dalam kehidupan Wefada berpandangan pendidikan sebagai pemakin kemajuan negara. Hal ini kerana, melalui ilmu seseorang akan mampu meraih keaslian pemikiran serta mampu berwawasan selaras dengan kerelevanan semasa. Sebaliknya, menurut Wefada tanpa ilmu anak-anak bangsa tidak mampu mempertahankan kedaulatan dan kemajuan negara, sebaliknya akan terus mundur dari arus perdana. Pandangan Wefada ini adalah hakikat yang perlu disedari oleh khalayak dan dimanfaatkan dalam kehidupan seharian:

Andai generasi muda gagal meraih keaslian pemikiran, lemah daya menganalisis dan hanya berwawasan tanpa mampu menterjemahkan falsafah dan visi itu kepada tindakan realistik yang relevan dengan keperluan semasa. Maka semenanjung emas lama-kelamaan akan ketinggalan.

(*Bedar Sukma Bisu*: 94)

Sikap penyayang turut diutarakan dalam novel ini sebagai moral yang baik untuk dijadikan ikutan dalam kehidupan. Haiqal sangat mengasihi ibunya sehingga sanggup menolak belajar di luar negara semata-mata tidak mahu meninggalkan ibunya hidup sendirian serta tidak sanggup berjauhan dengan ibunya. Bagi Haiqal ibunya sangat penting berbanding yang lain. Sikap Haiqal ini harus dicontohi terutama oleh generasi muda hari ini yang nilai kasih sayang dan hormat orang tua semakin menipis. Sifat penyayang Haiqal jelas tergambar dalam dialog antara beliau dengan ibunya khususnya, semasa berbincang hala tuju pendidikannya. Wefada menginginkan anaknya melanjutkan pelajaran ke luar negara sama seperti dia dan aruah suaminya. Walau bagaimanapun, kasih Haiqal membantutkan hajat Wefada apabila Haiqal lebih tega memilih untuk belajar dalam negara sahaja kerana tidak mahu meninggalkan ibunya terlalu jauh. Wefada akur dengan keputusan anaknya tetapi tetap mengingatkan Haiqal tentang perlunya usaha yang bersungguh-dungguh dalam mencari ilmu pengetahuan dan pengalaman hidup kerana Haiqal adalah salah seorang generasi yang mentadbir Bedar Sukma kelak:

Umi marah dia juga mahu Haiqal pergi ke Harvard sepertinya. Akan tetapi dengan satu ciuman dan kata-kata pujukan bahawa dia tidak mahu meninggalkan umi terlalu lama dan hakikat ada anak di hadapan mata jauh lebih melegakan bagi seorang ibu, membuat umi diam terus.

(Bedar Sukma Bisu: 94-95)

Haiqal juga memiliki moral yang terpuji, walaupun memiliki wajah yang tampan beliau tidak menggunakan ketampanannya itu ke arah yang tidak baik. Beliau berusaha melawan godaan-godaan wanita yang meminatinya. Beliau digambarkan seorang yang sentiasa berserahkan diri kepada Tuhan dan sentiasa berdua agar dijauhkan perkara yang tidak elok.

Haiqal dan ibunya, Wefada juga digambarkan tidak suka menunjuk-nunjuk walaupun mereka mewarisi sebuah syarikat perkapalan yang besar. Mereka tidak memperlihatkan kemewahan hidup. Haiqal dan ibunya Wefada juga digambarkan insan yang tidak suka menunjuk-nunjuk. Meskipun datang daripada keluarga berada Haiqal dan ibunya hidup secara sederhana:

“... kami punya 50 perahu Melayu pelbagai jenis dengan 28 kapal besar yang mampu merentasi samudera. Haiqal membesar diri atau mungkin sahaja ghairah bercerita. “kita akan beli dua lagi untuk genapkan 30.”

Elemine melonggo. Wah, begitu hebat Besar Sukma. Tetapi Haiqal kelihatannya bukan seperti anak muda daripada keluarga berharta, dan ibunya, pusat tumpuan Elemine, juga sama sekali tidak tidak nampak seperti keluarga kaya.”

(Bedar Sukma Bisu: 109)

Kepentingan akhlak mulia ini diperkatakan oleh Tengku Intan Marlina Mohd Tengku Mohd Ali dan Salina Jaafar (2012 : 73), Menurut mereka pembentukan akhlak adalah amat penting dalam memperkasakan modal insan. Akhlak yang mulia dapat menjamin masa depan yang cemerlang dan gemilang. Ini adalah kerana kesedaran manusia terhadap alam sekeliling dan dunia serta akhirat adalah berpunca daripada akhlak yang mulia. Melalui akhlak yang terpuji

manusia akan sentiasa muhasabah diri dan akan sentiasa berusaha untuk memperbaiki diri ke arah yang lebih baik.

Firasat dalam Kehidupan Masyarakat Melayu

Kehidupan masyarakat Melayu penuh dengan tanda dan lambang yang memerlukan taksiran dan ini selari dengan tanggapan karya sastera adalah suatu kejadian alam yang menghasilkan pengalaman hidup dan dalam konteks pengkaedahan Melayu ia dikaitkan dengan mimpi. Mimpi adalah satu pengalaman hidup manusia yang penuh misteri. Bagi masyarakat Melayu ia dianggap bermakna kepada kehidupan, oleh itu ia amat diberikan perhatian untuk dicari makna atau pengertiannya. Pencarian makna mimpi ini dikenali sebagai tadbir, iaitu proses menemukan maknanya itu menerusi tafsiran lambang atau tanda tertentu yang wujud di dalamnya. Bertepatan dengan sifat kelahirannya, sastera juga menyerupai suatu mimpi, iaitu suatu kejadian alam yang mempunyai makna atau pengertian yang penemuannya itu hanya dapat dilakukan menerusi proses tabir atau taksiran.

Tuntutan melaksanakan tafsiran untuk menemukan maknanya ini memberikan implikasi bahawa sastera memiliki sifat-sifat zahir dan batin, atau yang sering diistilahkan sebagai yang tersurat dan yang tersirat. Sifat zahir atau yang tersurat menjadi penanda (alamat) untuk memperoleh yang tersirat iaitu penanda atau maknanya. Proses ini menyamai juga dengan apa yang berlaku dalam amalan masyarakat Melayu hendak mengenali kelakuan atau tabiat manusia. Sifat batinnya iaitu melalui keadaan sifat zahir atau sifat fizikalnya. Peristiwa kapalterbang terhempas yang mengorbankan nyawa abang Wefada, Waqeel misalnya selari dengan firasat nenek Wefada.

Novel *Bedar Sungai Bisu* banyak menceritakan tentang mimpi-mimpi yang memerlukan proses pencarian atau penaksiran. Mimpi digambarkan pada watak Ben Qortubi sebelum beliau belayar ke Tanah Semenanjung, beliau telah didatang mimpi aneh. Apabila cuba ditaksir dan diperincikan mimpi itu mempunyai kaitan dengan masa hadapan beliau:

Mimpi itu aneh sekali. Mimpi yang sukar untuk difahami. Dia melihat sebuah pulau, jauh sekali, entah di mana. Ada kabus pagi meliputi pantai pulau tersebut. Pulau itu meski kecil bagaikan sebuah taman di syurga yang dilingkungi air laut jernih kehijauan. Sebuah pulau yang amat menyentuh sukma. Dia berjalan santai. Pasir yang terhampar di pantai memutih halus, berkilau dipenuhi cahaya matahari yang sedang lambat-lambat muncul. Seakan-akan ada bidadari bermain-main langsung beristirehat di pantai. Mungkin di sinilah tempat malaikat turun berzikir dan membesarkan nama Tuhan.

(Bedar Sukma Bisu: 300-301)

Mimpi juga dialami oleh Datuk Wefada, Ben Qortubi. Sebelum Syarikat Bedar Sukma menguasai lautan, Ben Qortubi terlebih dahulu mendapat firasat melalui mimpinya. Beliau telah bermimpi mencipta, menorah kayu, menukangi dan membina bedar dan mimpi itu menjadi tanda bahawa datuknya bakal mencipta sebuah bedar yang akan belayar antara satu lautan dengan lautan lain. Mimpi datuknya telah menjadi kenyataan apabila Kumpulan Bedar Sukma telah menjadi kapal pelayaran kedua terbesar di dunia:

“Waqeel mempunyai wawasan jauh. Kumpulan Bedar Sukma mesti menjadi gergasi di lautan. Datuknya telah bermimpi, mencipta, menorah kayu, menukangi dan membina bedar supaya mereka boleh belayar antara satu lautan ke satu lautan yang lainnya, membawa kasih sayang dan pendamaian. Dengan cinta khusyuk kelak, permusuhan akan terpadam dan semangat kemanusiaan akan mendapat peluang”.

(Bedar Sukma Bisu: 114)

Mimpi yang dialami oleh Elemine pula menjadi tanda siapakah jodohnya. Sebelum mengambil keputusan berkahwin dengan Wefada, dua kali Elemine didatangi mimpi yang sama. Dalam mimpinya Elemine bertukar menjadi sotong dan membelit udang sebagai tanda beliau akan menemui jodohnya:

“Malam itu, dalam lelap Elemine bermimpi dirinya di dalam lautan. Menyelam dalam. Dia berubah menjadi sotong. Dan dalam lelap itu jugalah dia melihat udang montok, isinya putih gebu kecoklatan. Sebagai sotong raksasa, Elemine membelit, mencekik terakhir mengusik, lalu kadang mengasak. Udag kecil meronta, dalam kepayahan, dalam keindahan, mengerekot lembut. Udag itu perlahan-lahan melemah dalam belitan sang sotong.”

(Bedar Sukma Bisu: 203)

“Saat kapal terbang melintasi ruang udara Kaherah, Elemine telah tertidur dengan nyenyaknya. Rindu akan Kalthum tersangkut di awan dan dia bermimpi sekali lagi menjadi sotong, berenang, menghampiri dan memburu udang yang antara manja dan mahu melarikan diri, mencelah di antara karang-karang yang indah. Di antara karang-karang itu tiba-tiba terbit udang, yang tubuhnya bersalut kulit keras tetapi berkepalakan Wefada Marwan...”

(Bedar Sukma Bisu: 215)

Berdasarkan kepada kedua-dua mimpi itu, sotong menjadi perlambangan kepada Elemine manakala udang pula mewakili diri Wefada. Kedua-dua objek alam ini telah menjadi makna tersurat bagi menerangkan makna tersirat di sebalik mimpi Elemine itu. Akhirnya Elemine telah bertemu Wefada di Malaysia, dan berjaya menawan hati Wefada sehingga mereka berkahwin. Firasat adalah kebiasaan dalam masyarakat Melayu. Setiap benda dan peristiwa yang berlaku sering kali memberi tanda sesuatu akan berlaku. Daripada bunyi hingga haiwan melintas membawa tanda dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Karya Sastera sebagai Media Dakwah

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, Pengkaedahan Melayu mengandungi dua Pengkaedahan iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Bagi pengkaedahan keagamaan ia dipecahkan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan masyarakat dan pendekatan seni. Ketiga-tiga pendekatan ini saling berhubungan antara satu dengan lain. Pendekatan dakwah melihat sastera sebagai satu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan

seseorang insan terhadap Allah. Sastera seringkali juga memaparkan persoalan yang mengandungi sifat-sifat kemuliaan dan ketinggian Allah. Sastera dapat dijadikan tempat rujukan yang membolehkan khalayak pembaca mengenali dan memahami lebih dekat tentang ajaran Islam sekaligus dapat meningkatkan rasa kecintaan dan kehormatan terhadap Pencipta. Sastera juga seharusnya membicarakan tentang kemurnian dan kelebihan agama Islam yang darinya akan dapat menimbulkan daya tarikan yang lebih mendalam terhadap kesucian agama Islam, baik dari kalangan insan muslim mahupun bukan muslim. Menurut Hashim Awang, pendekatan dakwah meneliti karya sastera sebagai alat pengembangan Islam dalam konteks penghayatan keunggulannya dan keagungan Allah.

Bedar Sukma Bisu banyak mengangkat persoalan Islam yang berfungsi ke arah memperkembangkan keunggulan Islam dan keagungan Allah. Hal ini dapat dilihat pada gaya pengolahan dan persoalan-persoalan yang ditimbulkan. Pengarang menjadikan karya sastera sebagai wadah untuk mempertingkatkan nilai ketaqwaan insan terhadap Allah swt. Karya ini memaparkan dakwah yang dilakukan baik secara langsung mahupun tidak langsung. Dakwah digambarkan melalui watak Elemine yang memohon kepada Allah agar memberi kekuatan dan keimnan untuk melawan nafsu yang jahat. Elemine memohon petunjuk dan yakin bahawa hanya dengan kekuasaan dan pertolongan Allah beliau mampu mengatasi masalah yang dihadapinya. Situasi ini memperlihatkan dakwah pengarang untuk membawa pembaca mengenal kekuasaan Allah:

Berdebar dada Elemine, dalam solat tahajud dan hajatnya dia memohon daripada Al-Aziz agar diberi kekuatan jiwa, kekuatan iman, kekuatan melawan nafsu yang jahat, yang mengelirukan dan sungguh-sungguh, kekuatan untuk menjadi ikhlas.

(*Bedar Sukma Bisu*: 203)

Melalui novel ini juga, pengarang memperlihatkan kesucian agama Islam sehingga mampu menarik insan lain untuk memeluk Islam. Hal ini digambarkan melalui watak Chen seorang mualaf berketurunan Cina yang sanggup meninggalkan agamanya kerana tertarik dengan Islam ekoran perkenalannya dengan seorang pemuda berbangsa Korea. Pengarang menggambarkan Islam sebagai agama yang banyak melahirkan tokoh-tokoh yang syumul dan wajar dijadikan teladan dalam pelbagai bidang termasuk peniagaan dan pelayaran. Pengarang menggambarkan ketokohan ini melalui watak Nabi Muhammad saw dan Laksamana Cheng Ho. Melalui ketokohan inilah serta penyelidikannya terhadap Islam telah menarik minat Chen untuk memperelajari Islam dan seterusnya memeluk agama Islam.

Faisal Tehrani melalui karyanya ini turut menekankan aspek ekonomi dari perspektif Islam. Pengolahan beliau tentang aspek ekonomi khususnya aktiviti perusahaan *Bedar Sukma* dikukuhkan dengan hadis dan ayat Al-Quran. Contohnya watak Wefada yang gemarkan subjek ekonomi Islam. Kehadiran Elemine menambahkan lagi minat Wefada terhadap ekonomi Islam kerana Elemine juga mempunyai minat yang tinggi terhadap ekonomi Islam. Elemine pernah menyatakan kepada Wafada jika mahu melihat punca dan kekuatan ekonomi Malaysia tidak cukup dengan sekadar mengambil teori Barat kerana terdapat penjelasan lain yang boleh dilihat misalnya dalam Al-Quran melalui surah Saba' ayat 15 hingga 21. Surah tersebut menceritakan tentang negeri Saba, di bawah Dinasti Mu'iyinah, Saba'iyah dan Himyariyah di tanah Yaman.

Kemakmuran Saba' melampau tempoh 300 tahun dan sejarah mencatatkan kehebatan teknologi negeri itu, termasuk membina bendungan Ma'rib yang dapat menghimpunkan air dari 70 lembah. Kemasyuran negeri Saba' itu bukan sahaja dalam sektor ekonomi, bahkan diimbangi oleh pembangunan intelektual dan budaya yang menakjubkan. Melalui hujah yang dikuatkan dengan ayat Al-Quran itu, Elemine menyatakan bahawa inilah konsep pembangunan ekonomi yang sebenar. Konsep kemajuan ekonomi yang ditunjukkan oleh Allah bahawa dengan mensyukuri nikmat Allah dan melaksanakan segala perintah dan larangan-Nya, maka Allah memberi kebaikan kepada sesebuah negeri malah mengampuni pula mereka yang mendiami negeri tersebut. Namun begitu, nikmat pembangunan yang didapati penduduk Saba' menyebabkan mereka lupa diri, alpa kepada Allah dan leka dengan kemewahan. Surah Saba' ayat 17, "Demikianlah kami memberi balasan kepada mereka disebabkan kerana kekafiran mereka. Dan kami tidak menjatuhkan azab yang demikian melainkan hanya kepada orang-orang yang kafir". Segala kenikmatan mereka ditarik semula oleh Allah malah diberi bala bencana. Kepesatan ekonomi Saba' dicabut buat selama-lamanya disebabkan oleh syukur bertukar menjadi kufur.

Dalam penulisan Wefada yang bertajuk *Islamic Order*, dia menekankan persoalan akidah sebagai yang paling utama, kekuasaan Allah dijadikan tunjang. Kedudukan pemerintah adalah sebagai satu amanah dan tanggungjawab daripada Allah dan juga manusia. Wefada juga menjelaskan *Islamic Order* harus dijadikan order ekonomi baru dunia kerana menurutnya, sekiranya keadilan menjadi asas dalam ekonomi Islam, ihsan adalah keindahan yang terpancar. Ihsan adalah gabungan kebaikan, kefahaman dan saling merestui apabila memberi, satu penghormatan antara satu individu kepada individu lain. Apabila seseorang boleh bertolak ansur, mengambil kurang daripada haknya kerana merasakan ada yang lebih berhak, maka itulah ihsan, dan sikap tersebut boleh membantu paksi keadilan yang ingin ditegakkan Islam menerusi ekonomi dengan lebih berkesan. Wefada berpegang pada ayat 90 surah al-Nahl, "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi kepada kaum kerabat, dan Allah melarang daripada perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pengajaran" (*Bedar Sungai Bisu*: 212).

Melalui tulisan Wefada memperlihatkan beliau seorang yang berpegang kepada ajaran Islam yang kukuh. Setiap tindakan yang dilakukan semuanya berpandukan kepada ajaran Islam termasuk penulisannya. Persoalan keindahan Islam jelas dalam tulisan beliau "Islamic Order" yang sangat menekankan persoalan akidah. Secara umumnya, segala tindakan yang dilakukan oleh Wefada boleh menjadi panduan kepada khalayak pembaca untuk melakukan sesuatu perkara mengikut landasan Islam. Strategi dan penulisan Faisal Tehrani ini juga dilihat sebagai satu unsur dakwah. Dakwah yang disampaikan oleh pengarang terzahir melalui watak-watak yang diwujudkan dalam novel seperti watak Wefada dan Elemine yang berpegang teguh kepada ajaran Islam melalui perbuatan dan kata-kata mereka.

Sastera sebagai Cerminan Kehidupan Masyarakat

Karya sastera adalah cerminan masyarakat. Dalam konteks ini, sastera dianggap cuba mendedahkan dengan jelas, benar dan berani permasalahan-permasalahan kemungkaran, ketidakadilan, penipuan, kepura-puraan, rasuah, dan perniagaan yang dianggap sebagai punca kepincangan masyarakat dan tergugatnya keimanan insan. Sastera dianggap sebagai hasil ciptaan

yang berfungsi khusus membawa perutusan besar untuk kesejahteraan umat manusia. Untuk itu, unsur amanat diletakkan pada tempat teratas di samping unsur-unsur lain seperti bentuk, teknik penceritaan, dan gaya bahasa tanpa sama sekali mengabaikan keindahan karya. Dalam tanggapan sedemikian karya sastra menjadi lumrah untuk mendedahkan rupa bentuk kehidupan manusia yang baik dan sempurna, yang direndhai Allah. Karya bertujuan menegakkan ajaran-Nya dalam membina kehidupan dan membuat kebaikan kepada semua manusia dengan penonjolan watak-watak yang beriman dan beramal soleh, mengerjakan segala suruhan Tuhan seperti bersolat, berpuasa, berzakat atau membuat amal jariah tanpa berbuat mungkar dan maksiat.

Melalui *Bedar Sukma Bisu*, pengarang menekankan perlunya insan melakukan kebajikan untuk bersama membangunkan masyarakat. Pengarang mengambil contoh tokoh-tokoh Islam seperti Khalifah Abu Bakar Al Siddiq, Khalifah Umar Abdul Aziz, Khalifah Usman Affan dan Abdul Rahman bin Auf yang sanggup berkorban dalam melakukan kebajikan untuk masyarakat Islam. Dalam konteks ini pengarang menyelitkan amanah kepada pembaca untuk menjadi insan yang sempurna dan melakukan kebaikan sesama manusia:

Haiqal juga menyedari memang ada hadis riwayat Saad bin Abi Waqas yang berbunyi “sesungguhnya Allah menyukai hambanya yang bertakwa dan kaya”. Tanggungjawab dan kerja amal bagi seorang yang jauh lebih besar. Peluang untuk mendapat pahala juga besar. Ummah dengan jumlah manusia lebih satu billion memerlukan hartawan yang dapat membiayai dakwah seperti yang dilakukan oleh Abu Bakar, Umar, Usman dan Abdul Rahman Bin Auf yang menanggung pergorbanan Islam dari sudut materi. Abdul Rahman memberikan seluruh emas yang ada padanya untuk membiayai pasukan muslim dalam perang Tabuk. Umat Islam memerlukan tokoh atau model hartawan yang dapat dijadikan contoh. Itulah yang menjadi citi-cita Haiqal.

(Bedar Sukma Bisu: 98-99)

Pengarang turut menggambarkan kehidupan masyarakat yang penuh dengan kemungkaran seperti ketidakadilan sosial, kemunafikan, keresahan, kekejaman, rasuah, penipuan, penindasan, dan pembunuhan dan lain-lain yang menjadi punca kepincangan masyarakat. Persoalan kemasyarakatan sedemikian yang tergarap dalam novel ini sama sekali bukan bersifat propaganda yang membohongi kenyataan seperti yang biasa berlaku dalam karya beraliran Barat, tetapi ia bertujuan memberi contoh teladan kepada insan dalam usaha mencari kesejahteraan hidup bermasyarakat serta kekuatan iman dan taqwa. Keruntuhan moral ini digambarkan oleh pengarang melalui watak Waqeel yang bebas dalam pergaulannya. Beliau sering sahaja berpeleseran dengan wanita-wanita Eropah yang bukan muhrimnya:

“...sayang atau barangkali malang, Waqeel tidak dapat menahan kemahuannya. Wanita-wanita muda Eropah dibawa berpeleseran. Dia meninggalkan pengajian ilmu-ilmu pelayaran, memilih untuk tidak menjadi ahli navigasi, sebaliknya membazirkan harta keluarga, menziarahi kota-kota besar Eropah...

(Bedar Sukma Bisu: 111)

Waqeel telah berubah setelah kedua ibu-bapanya meninggal dunia apabila kereta yang dipandu Waqeel terlibat dalam kemalangan jalanraya. Peristiwa itu telah menghantui kehidupannya sehinggalah beliau mula insaf dan kembali ke pangkal jalan.

Sastera dan Keindahan

Meskipun sangat menekankan kandungan sesebuah karya, nilai keindahan tidak diketepikan oleh pengarang. Dalam membincangkan tentang teori pengkaedahan Melayu ini Hashim Awang turut menekan konsep keindahan karya melalui pendekatan seni. Keindahan yang dimaksudkan ialah keindahan yang membataskan dirinya kepada nilai-nilai estika dan etika Islam serta tidak bertentangan dengan akidah, ajaran dan fahaman Islam. Keindahan yang demikian sifat dan tuntutan menjadi objek penelitian untuk ditemukan dalam sastera menerusi pelbagai aspek atau unsur pembinaan dalamannya, gaya penceritaan, kaedah pendedahan tema dan watak, atau pemakaian sudut pandangan dan gaya bahasa. Pendekatan seni dari sudut penelitian sastera ialah menemukan segala-galanya memperkukuhkan tapak-tapak asas yang murni dan suci, iaitu keimanan, ketaqwaan dan kecintaan kepada Allah. Dalam hal ini Mana Sikana (2009:23) menegaskan, estetik dalam penulisan Islam menggalakkan para penulisnya supaya menggunakan perkataan yang sah dan sahih, sedap didengar dan tidak buruk, baik dari segi bunyi atau makna.

Berdasarkan novel *Bedar Sukma Bisu* dapat dilihat bahawa tema yang ingin disampaikan oleh pengarang ialah berkenaan nostalgia dan sejarah dunia pelayaran Melayu. Pengarang menjadikan dunia pelayaran Melayu sebagai pokok cerita dan kemudian mengembangkan ceritanya dengan memasukkan beberapa perkara lain yang menjadi dahan kepada pokok ceritanya. Pengarang memasukkan unsur-unsur yang berkaitan dengan ekonomi, perlancongan, maritim dan juga unsur sejarah. Hal ini menjadikan novel ini menarik. Pemikiran kritis pengarang mengeluarkan idea menghidupkan lagi suasana dalam novel serta dapat melahirkan sebuah karya yang banyak memberi pengetahuan kepada pembaca. Salah satu nilai keindahan dalam novel ini apabila pengarang memperincikan proses pembinaan bedar. Setiap unsur dalam pembinaan bedar dikaitkan dengan Islam. Setiap perkara dalam pembuatan perahu mempunyai ayat-ayat al-Quran dan mempunyai ciri-ciri kemelayuan dalam motif-motif yang diukir pada kayu penyangga. Antara motif-motif yang mempunyai unsur Melayu adalah awan larat berlambang umbi, sulur, daun, dan bunga:

“Datukmu memang sukakan yang indah-indah, Wefada. Ukiran pada perahunya dilatari ayat-ayat al-Quran. Pada kayu penyangga layar atau bangau yang sering dilangkahi berulang kali oleh awak-awak saat berkerja dan belayar, diukir dengan awan larat berlambang umbi, sulur, daun, dan bunga. Sayang, tak ada sesiapa lagi mahu belayar dengan bedar datukmu itu. Sayang sekali Bedar Sukma Bisu akan tersadai begitu sahaja”

(*Bedar Sukma Bisu*: 19)

KESIMPULAN

Novel *Bedar Sukma Bisu* adalah gambaran kehidupan masyarakat Melayu. Pengarang mengolah kehidupan masyarakat Melayu dari sudut jasmaniah dan rohaniah. Kehidupan masyarakat Melayu yang akrab dengan alam dilukiskan melalui laut dan alam semulajadi yang melatari keseluruhan cerita ini. Dari pendekatan moral, karya ini memperlihatkan kehidupan masyarakat Melayu yang sangat mementingkan akhlak terpuji. Watak-watak utamanya Wefada, Haiqal, Elemine memiliki pekerti yang terpuji. Penampilan watak Waqeel meskipun awalnya kurang bermoral namun diberi keinsafan oleh pengarang. Dari pendekatan Firasat, novel ini jelas banyak bermain dengan tanda dan lambang, yang sebatian dengan masyarakat Melayu. Elemen mimpi yang dialami oleh watak-wataknya selari dengan pendekatan firasat yang dikemukakan Hashim Awang. Dari Pengkaedahan Keagamaan pula, karya ini melontarkan seruan dakwah sebagai kewajiban setiap muslim. Pengarang menggunakan watak-wataknya untuk menyampaikan dakwah kepada khalayak pembaca. Dakwah dalam novel ini bukan sekadar pada seruan ke jalan Allah tetapi juga merangkumi perilaku serta sektor ekonomi. Dengan sokongan penyelidikan dan hujahan Al-Quran dan hadis, pengarang melontarkan dakwah agar masyarakat menghayati konsep ekonomi Islam. Masyarakat juga digesa tidak leka dan alpa pada nikmat yang dikurnia oleh Allah. Pendekatan kemasyarakatan pula memperlihatkan kehidupan masyarakat Melayu yang taat kepada agama dalam perlakuan dan kehidupan seharian. Seterusnya dalam menekankan amanat dan pengajaran kepada masyarakat, pengarang tidak lupa akan kepentingan keseimbangan antara isi dengan bentuk. *Bedar Sukma Bisu* lahir sebagai sebuah karya yang turut mementingkan nilai keindahan yang selari pula dengan tuntutan agama. Kesimpulannya, *Bedar Sukma Bisu* adalah gambaran kehidupan masyarakat Melayu, tentang kepercayaan, keimanan, akhlak dan nilai-nilai murni hidup bermasyarakat. Justeru itu, melihat novel ini daripada perspektif Teori Pengkaedahan Melayu banyak membantu khalayak pembaca dalam memahami serta mencari makna tersurat dan tersiratnya.

RUJUKAN

- Faisal Tehrani. 2007. *Bedar Sukma Bisu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. 1989. Kajian Sastera: Suatu Pendekatan Melayu. *Dewan Sastera*, Disember: 60-63.
- Hashim Awang. 1991. Melihat *Munajat di Perkebunan* Menerusi Pendekatan Alamiah. *Dewan Sastera*, April: 82-83.
- Hashim Awang. 1992. Suatu Kritikan daripada Pendekatan Firasat. *Dewan Sastera*, Februari: 66-68.
- Hashim Awang. 1993. Menilai Hidayah dengan Pendekatan Dakwah. *Dewan Sastera*, November: 73-78.
- Hashim Awang. 1994a. Metodologi Kesusasteraan Islam: Kaedah Penilaian. *Dewan Sastera*, Februari: 10-15.
- Hashim Awang. 1994b. Pengkajian Sastera: Pengkaedahan Melayu. *Pengarang, Teks dan Khalayak*. Dlm. Sahlan Mohd. Saman (Pnyt.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 326-335.

- Hashim Awang. 1995. Metodologi Kesusasteraan Islam: Kaedah Penilaian. *Nadwah Ketakwaan Melalui Kreativiti*. Dlm. S. Jaafar Husin (Peny.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 30-45.
- Hashim Awang. 2002. Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. Bengkel Teori Sastera, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Riviera Bay Resort, Melaka pada 28-29 Jun.
- Hashim Musa. 1998. *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Jumali Haji Selamat. 2009. Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam *Menjaras Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah*. *Jurnal Personalia Pelajar*, 12, Jun, 19-37.
- Mana Sikana. 1997. *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana. 2009. Estetika di Sebalik Tabir Teori Sastera Melayu Islam, *Jurnal Melayu*, 4, 11-28.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. 2016. "Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu". *Journal of Business and Social Development*, Volume 4 Number 2, 48-571.
- Mohd Roslan Mohd Nor. 2010. "Meneladani Sejarah Umat Islam dalam Membentuk Masyarakat Hadhari yang Gemilang Abad Ke 21." *Jurnal Hadhari* Bil 2(2), 19-40.
- Sahlan Mohd Saman. 1999. *Tokoh dan Kecenderungan Kritikan Sastera Mutakhir*. Bangi: Persatuan Penulis Selangor.
- Shahnon Ahmad. 1994. *Sastera: Pengalaman, Ilmu, Imaginasi dan Kitarannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali & Salinah Ja'afar. 2012. Pemeraksanaan Modal Insan: Pembentukan Sikap dan Akhlak Islamiah dalam Novel. *Jurnal Melayu*, 9, 55-73.
- Umar Junus. 1989. *Sosiologi Sastera: Persoalan Teori dan Metode*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Biodata Penulis:

Che Abdullah Che Ya

Penulis merupakan Pensyarah di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaran Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Kesusasteraan Moden (novel dan kritikan).